

**UCAPAN PRESIDEN MUIS  
HJ MOHD ALAMI MUSA  
DI MAJLIS PENGAGIHAN HABUAN RAMADAN MUIS  
22 AUG 2011  
DI JAMIYAH DARUL TAKRIM**

Masyarakat Islam Singapura adalah masyarakat yang pemurah. Mereka telah menunjukkan tahap kepedulian yang tinggi terhadap golongan yang memerlukan. Ini adalah kekuatan dan identiti umat Islam Singapura.

2 Semangat ini sangat ketara di bulan Ramadan. Para jemaah sungguh murah hati menaja iftar di masjid. Masjid, madrasah dan badan-badan sosial juga menerima sumbangan derma yang lumayan. Banyak bantuan kebendaan telah dihulurkan kepada rumah-rumah kebajikan dan keluarga-keluarga susah. Pendek kata, wujud semacam kehairahan umat Islam Singapura untuk menyumbang.

3 Sifat pemurah masyarakat kita timbul dari pandangan hidup mereka bahawa apa yang dimiliki adalah rezeki yang diberi Allah (swt) sebagai amanah yang mesti dipelihara. Ini bererti bahawa lebihan yang kita miliki mestilah dikongsi bersama dengan mereka yang memerlukan. Pandangan hidup ini menjadi pendorong kuat bagi umat Islam untuk berzakat, berinfaq dan menyumbang. Kita juga bersyukur kerana kelakonan ekonomi Singapura yang baik telah memakmurkan masyarakat Islam tempatan sehingga mereka

menikmati lebih harta milik mereka untuk disumbangkan kepada golongan susah.

4 Muis dan masjid-masjid serata negara telah melakukan banyak sekali usaha untuk membantu golongan yang memerlukan. Bantuan kami menyeluruh. Ia meliputi pelbagai aspek dan tidak hanya terhadap kepada bantuan kewangan.

5 Untuk mereka yang memerlukan tetapi masih sihat walafiat, bantuan kewangan kami adalah hanya sementara. Matlamat kami adalah untuk memperkasakan mereka supaya akhirnya mereka dapat berdikari. Kami akan membiayai program pengupayaan untuk mereka. Untuk mereka yang tidak dapat diperkasakan, kita akan membantu untuk jangka masa panjang. Walaupun Muis dan masjid membantu, dasar kami adalah untuk menggunakan skim-skim bantuan di peringkat nasional dahulu. Skim-skim bantuan Muis dan masjid akan hanya menokok tambah skim-skim bantuan nasional.

6 Kami dapat membantu golongan susah, fakir dan miskin dengan menyeluruh serta intensif kerana kami mempunyai dua kekuatan. Yang pertama, kita mempunyai institusi zakat yang kuat yang ditadbir Muis sebagai badan penguasa Islam rasmi di Singapura. Yang kedua, masjid-masjid kita telah melaksanakan skim pendamping iaitu para sukarelawan yang mendekati keluarga-keluarga yang memerlukan supaya bantuan khusus boleh dihulurkan.

7 Sepanjang setahun ini, Muis telah membelanjakan sekitar \$7.6 juta wang zakat untuk membantu 2100 keluarga setiap bulan dari golongan yang memerlukan. Bantuan ini termasuk agihan kewangan bulanan yang tetap, agihan bonus di bulan Ramadan serta akhir tahun dan bantuan kewangan untuk pelajar-pelajar miskin di Institut Pendidikan Teknikal, di madrasah sepenuh masa serta madrasah separuh masa.

8 Sebahagian dari \$7.6 juta wang zakat juga digunakan untuk membiayai program-program pengupayaan. Sejauh ini 66 peratus keluarga yang menjalani program pengupayaan tidak lagi memerlukan bantuan zakat. Ini adalah kadar kejayaan yang tinggi. Tambahan pula, masjid-masjid kita bekerja rapat dengan agensi-agensi lain untuk memberi panduan kepada keluarga-keluarga susah kita. Misalnya, dengan kerjasama Mendaki, NTUC Eldercare dan Lembaga Penggalak Kesihatan (HPB), mereka telah dibimbing untuk menguruskan kewangan keluarga, meniti usia lanjut dan menjaga kesihatan. Satu usaha baru yang sedang kami cuba adalah untuk memadankan 13 keluarga susah dengan para pembimbing kewangan (“financial coaches”). Ini adalah usaha untuk memimpin keluarga-keluarga ini secara intensif di dalam cara menguruskan kewangan termasuk kemahiran membangun aset mereka.

9 Bantuan Muis dan masjid-masjid lebih dari sekadar bantuan kewangan. Masjid kita telah memulakan jaringan pendamping sosial. Buat masa ini, 400 pendamping dari masjid-masjid kita telah dipadankan dengan sekitar 1200 keluarga penerima zakat. Mereka

diberi sokongan emosi, panduan dan galakkan untuk terus memperbaiki nasib mereka. Golongan yang didampingi termasuk mereka yang berusia lanjut, yang sakit kronik dan yang kurang upaya dari segi fizikal. Pendamping-pendamping juga memujuk mereka yang dibantu serta anak-anak mereka untuk menyertai kelas-kelas agama di masjid.

10 Pendek kata, golongan fakir, miskin dan yang memerlukan bertuah oleh kerana masyarakat Islam Singapura telah menyediakan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh dan berkesan sebagai pelengkap kepada jaringan sosial yang wujud di peringkat nasional.

11 Salah satu bahagian utama dari jaringan keselamatan sosial masyarakat Islam adalah yang disokong oleh institusi zakat. Dengan itu, saya ingin merayu kepada umat Islam Singapura agar terus menunaikan kewajipan berzakat ke atas harta mereka. Seperti pada tahun-tahun lepas, Muis dan masjid-masjid kita akan menjalankan amanah dengan sebaik mungkin untuk menyalurkan wang zakat anda kepada lapan(8) asnaf seperti mana dituntut agama termasuk asnaf-asnaf untuk membantu golongan yang fakir, miskin dan yang memerlukan .

12 Moga-moga usaha-usaha murni kita ini diberkati Allah (swt)

Sekian.